

## Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah

*(Strategies and Challenges in Differentiated Learning Approach Among Primary School's Teachers)*

Nur Hanisah Radi<sup>1\*</sup> , Syawal Amran<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nur.hanisah.radi@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: syawal@ukm.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Nur Hanisah Radi  
(nur.hanisah.radi@gmail.com)

### KATA KUNCI:

Pendekatan pembelajaran  
terbeza  
Jurang pencapaian murid  
Kepelbagaian murid  
Cabaran  
Strategi

### KEYWORDS:

Differentiated learning  
Students achievement gap  
Strategies  
Challenges  
Students diversity

### CITATION:

Nur Hanisah Radi & Syawal Amran. (2023).  
Strategi dan Cabaran Pelaksanaan  
Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam  
Kalangan Guru di Sekolah Rendah.  
*Malaysian Journal of Social Sciences and  
Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002336.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2336>

### ABSTRAK

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan salah satu strategi yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah keciciran dan jurang pencapaian murid di sekolah. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka strategi yang digunakan oleh guru-guru di sekolah rendah dan cabaran yang dihadapi ketika mengimplementasikan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual. Peserta kajian terdiri daripada 7 orang guru daripada 4 buah sekolah rendah di daerah Muar. Hasil temu bual telah dianalisis secara tematik. Kajian mendapati elemen kandungan dan aspek kesediaan murid merupakan fokus utama guru dalam merancang pengajaran mereka. Hasil kajian juga mendapati faktor masa merupakan cabaran yang terbesar dihadapi oleh guru diikuti dengan jumlah murid yang ramai, jurang tahap penguasaan murid yang besar dan diikuti oleh kekurangan bahan mengajar yang sesuai. Berdasarkan pemilihan strategi, teknik dan cabaran yang telah dikenal pasti, guru-guru, pentadbir dan bahagian pembangunan guru boleh mengambil langkah yang lebih relevan dan holistik dalam membantu guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

### ABSTRACT

Differentiated learning approach is one of the strategies proposed by Kementerian Pendidikan Malaysia to overcome achievement gap among students. This research was aimed to explore the techniques used by the teachers and challenges faced by teachers when implementing differentiated learning. The qualitative research used interview to collect data from teachers. 7 teachers from 4 school in Muar district were chosen to be interviewed. The outcome of the interview were thematically analyzed. It is found that content is the most differentiated element used

by the teacher while students readiness is the most focused aspects during planning and implementing differentiated learning approach. From this research it is found that time is the most challenging factor faced by teachers when implementing differentiated learning approach followed by number of students in a classroom, achievement gap among students and shortage of suitable teaching material. Based on the chose strategy, techniques and challenges identified from the research, teachers, administrator and teacher development department should consider much more relevant and holistic steps to help teacher in implementing differentiated learning approach thus increases the teaching and learning quality in school.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang menyiasat tentang implementasi pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah rendah. Kajian ini dapat mengenal pasti faktor utama yang menghalang keberkesanan pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah rendah iaitu kapasiti murid di dalam kelas dan jurang pencapaian yang besar melibatkan penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira.

## 1. Pengenalan

Pendekatan pembelajaran terbeza bukanlah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang baharu. Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan salah satu pendekatan yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia selepas mendapati segelintir murid-murid tidak berjaya menguasai topik-topik yang diajar sepanjang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dari rumah sepanjang pandemik Covid-19. Menurut [Zurina, Zaharah dan Abdul Muhsien \(2021\)](#) pendekatan ini merupakan salah satu alat yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Keperluan murid ini bukan sahaja dilihat dari sudut minat dan gaya pembelajaran malah kesediaan murid yang melibatkan tahap penguasaan murid serta kemahiran dan pengetahuan sedia ada murid ([Mazen & Malak, 2019](#)). Bagi mewujudkan pembelajaran yang bermakna dan berkesan, pengajaran dan pembelajaran yang dirancang oleh guru perlu memenuhi keperluan dan kepelbagaian semua murid.

Guru memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Kebolehpayaan guru untuk melaksanakan PdP menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza akan mempengaruhi tahap penguasaan dan pencapaian murid ([Safiek, 2021](#)). Pendekatan pembelajaran terbeza ini perlu dilaksanakan oleh guru dengan cara mengenalpasti aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan dalam pengajaran mereka ([Ain, 2022](#)). Bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang holistik, kepelbagaian dalam rancangan pengajaran yang melibatkan hasil pembelajaran yang positif untuk semua murid perlu disediakan ([Suleyman, 2019](#)). Oleh itu, guru perlu faham serta mendalami konsep pendekatan terbeza dan bersedia untuk melaksanakan pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah ([Puzio, Colby dan Algeo-Nicholas, 2020](#)). Namun, masih terdapat beberapa kajian terkini yang mendapati bahawa terdapat segelintir guru yang tidak melaksanakan pendekatan terbeza walaupun mereka mempunyai persepsi yang positif terhadap pendekatan ini ([Parviz, 2013](#); [Nuraishatun et al., 2019](#); [Ginja & Chen, 2020](#); [Zurina et.al., 2021](#); [Safiek, 2021](#); [Ain, 2022](#)).

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu pendekatan yang meraikan kepelbagaian murid dalam sebuah bilik darjah yang sama (Sousa & Tomlinson, 2011). Kajian oleh Mazen dan Malak (2019) mendapati pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza memberi pengaruh yang besar secara positif terhadap pencapaian akademik murid. Walaupun kebanyakan guru ada menerapkan pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, namun tidak semua guru bersetuju dengan keberkesanan pendekatan ini (Puzio, Colby dan Algeo-Nicholas, 2020). Zurina et al. (2021), juga mendapati bahawa masih terdapat guru yang tidak mengetahui pedagogi terbeza yang sesuai digunakan dalam bilik darjah yang mempunyai murid yang pelbagai. Hasil kajian Safiek (2021) juga mendapati pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dalam kalangan guru masih rendah walaupun persepsi guru-guru terhadap pendekatan ini berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, timbul persoalan tentang tahap kesediaan guru-guru di sekolah rendah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

Pendekatan pembelajaran terbeza tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh guru-guru di sekolah rendah (Ain, 2022; Zurina et al., 2021; Hatixhe & Ilirjana, 2018). Hal ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan guru tentang pendekatan terbeza serta sikap sebilangan guru yang sudah terbiasa dengan pengajaran tradisional yang berpusatkan guru dan bersifat sehalu (Ain, 2022). Sikap guru yang tidak bersikap proaktif dengan bergerak seiring perubahan semasa dan enggan melakukan pembaharuan ini memberi kesan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Guru perlu mempunyai tanggapan yang positif terhadap pendekatan ini bagi membolehkan mereka mengamalkan pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih baik dan berkesan (Porta, Todd, & Gaunt, 2022). Selain itu, guru juga seringkali mempunyai tanggapan yang kurang tepat terhadap pendekatan pembelajaran terbeza yang menyebabkan guru tidak yakin untuk melaksanakan pendekatan ini (Moosa & Shareefa, 2019). Namun begitu, cabaran dalam melaksanakan pendekatan ini tidak bertumpu kepada penguasaan kemahiran guru sahaja sebaliknya juga dipengaruhi oleh faktor fizikal dan kepimpinan pendidikan. Sokongan pentadbir, pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan Kementerian Pendidikan juga mempengaruhi persepsi dan kesediaan guru untuk mengimplimentasikan pendekatan pembelajaran terbeza.

Keadaan ini juga dapat dilihat bukan sahaja di Malaysia malah di luar negara seperti hasil kajian oleh Nguvava dan Meremo (2021) yang mendapati bahawa walaupun guru telah lazim dan tahu tentang pendekatan pembelajaran terbeza, namun mereka masih tidak dapat mengimplimentasikan pendekatan ini secara efektif bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai disebabkan oleh beberapa rintangan berkaitan dengan tugas guru. Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan, guru-guru sedar akan kepentingan dan kelebihan menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza sebagai alat dalam merancang pengajaran mereka namun cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dan penghayatan guru terhadap konsep, elemen dan aspek yang digunakan dalam pendekatan ini menjadi penghalang dan menjejaskan tahap kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza di bilik darjah.

### 1.1. Objektif kajian

- i. Meneroka teknik-teknik yang digunakan dalam pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah rendah.
- ii. Meneroka cabaran-cabaran guru sekolah rendah dalam mengaplikasikan pendekatan pembelajaran terbeza.

## 1.2. Persoalan kajian

- i. Apakah teknik-teknik yang digunakan dalam pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah rendah?
- ii. Apakah cabaran-cabaran guru sekolah rendah dalam mengaplikasikan pendekatan pembelajaran terbeza?

## 2. Sorotan Literatur

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu pendekatan yang menerima persamaan dalam kalangan murid dan menggunakan perbezaan murid sebagai elemen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran (Tomlinson, 2001). Pendekatan ini mengenalpasti dan menyokong perbezaan individu dalam proses pembelajaran (Nguvava & Meremo, 2021; Melek & Enisa, 2022). Pendekatan pembelajaran terbeza bukanlah satu strategi pengajaran sebaliknya cara guru berfikir tentang pengajaran dan pembelajaran di mana ia bertindak sebagai alat untuk guru merancang dengan memberi fokus kepada elemen dan aspek yang penting (Sousa & Tomlinson, 2011). Struyven dan Gheysens (2019), menyatakan bahawa pembelajaran terbeza merupakan satu konsep dalam pendidikan yang bernilai tinggi dan disarankan oleh pendidik di serata dunia.

Elemen dan aspek yang disenaraikan dalam pendekatan ini menjadi panduan kepada guru untuk memilih, membuat penyesuaian dan merancang aktiviti pengajaran yang berkesan (Zurina et al., 2021). Struyven dan Gheysens (2019), menyatakan bahawa pembelajaran terbeza merupakan satu konsep dalam pendidikan yang bernilai tinggi dan disarankan oleh pendidik di serata dunia. Menurut Ain (2022), pendekatan ini merupakan kaedah yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajaran dengan mengambil kira beberapa elemen bagi melahirkan murid yang berpengetahuan tinggi. Maka pendekatan pembelajaran terbeza bersifat sebagai satu pendekatan menyeluruh yang mampu memenuhi semua keperluan dan perbezaan murid seterusnya menggunakan kepelbagaian murid untuk mewujudkan pembelajaran yang bermakna dan berkesan.

### 2.1. Elemen Pembelajaran Terbeza

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu pendekatan yang menerima persamaan dalam kalangan murid dan menggunakan perbezaan murid sebagai elemen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran (Tomlinson, 2001). Menurut Tomlinson (2017) terdapat tiga elemen keperluan murid yang perlu dibezakan ketika merancang pengajaran dan pembelajaran iaitu kesediaan murid, minat murid dan gaya pembelajaran murid. Menurutnya lagi pembezaan teknik dalam ketiga-tiga elemen ini tidak perlu dilakukan serentak sebaliknya guru boleh memilih salah satu atau menggabungkan beberapa elemen dalam satu masa. Kesediaan murid merujuk kepada pengetahuan sedia ada murid dan tahap kefahaman murid untuk membuat hubungkait dengan input yang akan diberikan oleh guru (Danial, 2020). Elemen kesediaan murid ialah tingkat keupayaan individu terhadap pengetahuan yang spesifik, pemahaman dan reka bentuk kemahiran yang asas dalam sesuatu bahagian pembelajaran (Sousa & Tomlinson, 2011). Minat murid pula merujuk kepada kecenderungan murid dalam bidang seperti muzik, kesenian, matematik dan bahasa. Hal ini bersesuaian dengan teori kecerdasan pelbagai yang dipelopori oleh Gardner (2011). Menurut Gardner (2011), terdapat 7 kecerdasan pelbagai dan setiap individu akan cenderung kepada salah satu atau beberapa kecerdasan pelbagai ini. Maka, guru boleh menjadikan teori kecerdasan

pelbagai ini untuk menilai minat serta kecenderungan murid agar lebih mudah untuk merancang pembezaan aktiviti pengajaran mereka. Gaya pembelajaran pula merujuk kepada faktor peribadi dan persekitaran yang boleh memberi impak kepada proses pembelajaran (Tomlinson, 2017). Guru perlu prihatin dengan gaya pembelajaran yang dipamerkan oleh murid bagi membolehkan guru menyesuaikan aktiviti pembelajaran dengan gaya pembelajaran murid yang pelbagai.

## 2.2. Aspek Pembelajaran Terbeza

Menurut Gaitas dan Martins (2016) aspek kandungan dalam pendekatan ini merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang guru ingin murid pelajari dan pembezaannya boleh berlaku dalam dua cara iaitu menggunakan kandungan alternatif untuk mengajar subjek yang sama atau membahaskan kandungan sedia ada supaya memenuhi semua murid. Pembezaan kandungan pelajaran bermaksud menjadikan apa yang dipelajari oleh murid itu berbeza (Kelly, Glenn, & Dana, 2020). Gaitas dan Martins, (2016) menyifatkan proses sebagai cara kandungan pelajaran itu diajar. Menurut Tomlinson (1999), proses menerangkan tentang aktiviti yang direkabentuk untuk memastikan murid menggunakan kemahiran utama untuk menjadikan idea dan maklumat penting bermakna. Menurut Awofala dan Lawani (2020) proses ialah cara murid memahami, mengaplikasi, belajar dan mendalami kandungan pelajaran. Kelly, Glenn dan Dana (2020) pula menerangkan pembezaan proses melibatkan pertimbangan bagaimana murid belajar kemahiran, strategi dan konsep selain ianya boleh dibahagikan kepada pembezaan tugas dan pembezaan alat yang digunakan. Pembezaan produk perlu mengambil kira bagaimana murid membuat visualisasi terhadap pemahaman kemahiran, strategi dan konsep yang mereka pelajari (Kelly, Glenn, & Dana, 2020).

Kesimpulannya, pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu pendekatan dalam pendidikan yang sangat fleksibel dan dinamik. Guru boleh membuat penyesuaian dan mengubah corak pengajaran mereka sesuai dengan keperluan dan kepelbagaian murid di sekolah. Namun, terdapat keperluan untuk guru memahami dan menghayati konsep sebenar pendekatan pembelajaran terbeza ini. Selain itu, pengkaji juga mendapati keperluan untuk meneroka cabaran-cabaran yang boleh menghalang pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dengan berkesan.

## 3. Metod Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan temu bual bersama peserta kajian. Reka bentuk kualitatif sesuai digunakan apabila pengkaji ingin meneroka sesuatu konsep atau elemen-elemen dalam bidang yang hendak dikaji. Pengkaji memilih untuk mengaplikasikan reka bentuk kualitatif dalam kajian bagi membolehkan pengkaji mengesan dan meneroka teknik-teknik yang digunakan oleh guru dan meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru sepanjang melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah.

Persampelan kajian dipilih daripada kalangan guru-guru sekolah rendah daripada 4 buah sekolah di negeri Johor. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan atau *purposive sampling* dengan memilih guru yang ada melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran. Seramai 7 orang guru sekolah rendah telah ditemu bual dan hasil temu bual telah direkod. Daripada 7 orang peserta kajian, 4 temu bual telah dilakukan secara maya melalui Google Meet dan 3 temu bual telah dilaksanakan secara bersemuka mengikut persetujuan peserta kajian.

Kesemua sesi temu bual telah dirakam secara rakaman audio dengan izin peserta kajian bagi memudahkan pengkaji untuk membuat transkrip temu bual. Merriam (2009) mengatakan temu bual penting kerana kita tidak dapat mengetahui kelakuan, perasaan dan bagaimana seseorang menginterpretasikan dunia di sekeliling mereka melalui pemerhatian. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual. Soalan temu bual yang disediakan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu demografi, pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dan cabaran dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Dalam bahagian demografi, maklumat seperti jantina, tempoh pengalaman mengajar, subjek yang diajar, jawatan dan taraf pendidikan diambil. Bagi bahagian pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza pula, soalan-soalan berkaitan teknik dan strategi yang digunakan meliputi aspek dan elemen dalam pendekatan pembelajaran terbeza akan ditemubual. Seterusnya, pada bahagian cabaran pelaksanaan pula, peserta kajian diminta untuk menyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi yang boleh menghalang keberkesanan dan pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah mendapatkan persetujuan guru-guru yang menjadi peserta kajian untuk ditemu bual. Pengkaji dan peserta kajian telah menetapkan masa temu janji untuk menjalankan sesi temu bual mengikut kesesuaian masa dan tempat kedua-dua belah pihak. Pengkaji juga memaklumkan peserta-peserta kajian bahawa audio sepanjang proses temu bual yang dijalankan akan direkodkan. Berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan, rekod audio temu bual akan dijadikan transkrip secara verbatim. Kemudian, data yang telah ditranskripkan akan dianalisis berulang-ulang bagi membolehkan pengkaji untuk menentukan tema-tema dalam transkrip temu bual tersebut. Berdasarkan pengkategorian dan tema-tema yang ditemui, pengkaji akan mengesan kekerapan tema yang timbul daripada hasil temu bual. Kekerapan tema akan disusun dalam bentuk jadual bagi memudahkan penyampaian maklumat hasil dapatan kajian. Dalam menganalisis data dan tema, pengkaji perlu bersifat neutral dan tidak bias terhadap tema-tema tertentu.. Hal ini bagi menjamin kualiti hasil dapatan kajian yang dijalankan.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Strategi dan Teknik Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Hasil temu bual bersama ketujuh-tujuh peserta kajian yang terdiri daripada guru sekolah rendah yang menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran mereka telah di analisis beberapa kali. Pengkaji telah mengesan teknik dan strategi yang digunakan ketika mengimplimentasikan pendekatan ini. Menurut Tomlinson (2001), terdapat 3 aspek yang boleh dipelbagaikan oleh guru dalam pengajaran mereka iaitu kandungan, proses dan produk. Pemilihan aspek yang dipelbagaikan oleh peserta kajian adalah seperti dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1 : Aspek yang Dipelbagaikan dalam Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Peserta	Kandungan	Proses	Produk
01		/	/
02	/	/	/
03	/		/
04		/	

05	/	/	
06	/	/	/
07	/	/	
Jumlah	4	6	4

Berdasarkan [Jadual 1](#), didapati bahawa aspek proses merupakan aspek yang paling kerap digunakan ketika pendekatan pembelajaran terbeza digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru diikuti oleh aspek kandungan dan produk.

Hasil analisis transkrip temu bual juga mendapati hanya seorang peserta kajian sahaja yang mempelbagaikan ketiga-tiga aspek serentak manakala 4 orang peserta kajian menggabungkan 2 aspek dalam satu masa mengikut kesesuaian murid dan topik yang diajar dan 2 orang peserta kajian hanya memilih 1 aspek sahaja untuk dipelbagaikan dalam satu-satu masa. Dapatan jumlah penggunaan aspek dalam pendekatan pembelajaran terbeza adalah seperti dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2 : Penggunaan Aspek dalam Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Peserta	3 aspek	2 aspek	1 aspek
01		/	
02		/	
03		/	
04			/
05			/
06	/		
07		/	
Jumlah	1	4	2

Hasil analisis juga mendapati terdapat 10 teknik yang sering digunakan ketika menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknik yang dinyatakan oleh peserta kajian meliputi aktiviti dan bahan yang digunakan ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan [Jadual 3](#), penggunaan bahan digital seperti video, permainan atas talian dan audio merupakan teknik yang paling kerap digunakan.

Jadual 3 : Teknik yang Digunakan dalam Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Teknik	Kekerapan	
T1	Bahan digital	4
T2	'Scaffolding'	3
T3	Soal jawab	3
T4	Pengesanan awal murid	3
T5	Aktiviti berpasangan atau berkumpul	3
T6	Praktikal 'Hands-on'	2
T7	Didik Hibur	2
T8	Peta minda	2
T9	Pembentangan	1
T10	Inkuiri	1

Seterusnya peserta kajian juga kerap menerapkan teknik soal jawab, 'scaffolding', aktiviti berpasangan atau berkumpul dan pengesanan awal dalam melaksanakan pendekatan

pembelajaran terbeza. Selain itu, teknik seperti praktikal atau 'hands-on', didik hibur, peta minda, pembentangan dan inkuiri juga digunakan ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Berdasarkan dapatan kajian berkaitan teknik yang digunakan dalam pendekatan ini, dapat dilihat bahawa guru menerapkan konsep pembelajaran berpusatkan murid ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Hal ini selaras dengan konsep Pendidikan Abad ke 21 yang banyak memberi autonomi kepada murid untuk mencorak aktiviti pendidikan yang dilaksanakan.

Hasil analisis juga mendapati strategi dan teknik yang digunakan adalah bergantung kepada kesesuaian pengajaran dan pembelajaran. Daripada temu bual juga, pengkaji mengesan elemen yang diberi tumpuan oleh peserta kajian ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Hasil analisis adalah seperti dalam [Jadual 4](#).

Jadual 4 : Kekerapan Elemen Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Elemen	Kekerapan
Kesediaan murid	7
Minat murid	3
Gaya pembelajaran murid	2

Berdasarkan [Jadual 4](#), elemen kesediaan murid merupakan elemen yang paling menjadi fokus guru-guru ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza diikuti dengan minat seterusnya gaya pembelajaran murid. Kesemua peserta kajian menyatakan kesediaan murid menjadi fokus mereka ketika merancang dan menjalankan pengajaran dan pembelajaran.

#### 4.2. Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Berdasarkan analisis temu bual, terdapat beberapa cabaran dapat dikenal pasti ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza di sekolah rendah. Pengkaji telah mengenal pasti tema-tema yang berkaitan dengan cabaran yang dilalui oleh guru dan hasil analisis adalah seperti yang dapat dilihat dalam [Jadual 5](#).

Jadual 5 : Cabaran yang Dihadapi Ketika Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Cabaran	Kekerapan
C1 Bilangan murid yang ramai	5
C2 Masa yang tidak mencukupi	4
C3 Jurang pencapaian murid	4
C4 Bahan dan alat bantu mengajar	4
C5 Kawalan kelas	3
C6 Kehadiran murid	2
C7 Kreativiti dan idea guru	2
C8 Silibus yang tinggi	2

Dapatan kajian menunjukkan bilangan murid yang ramai merupakan cabaran yang paling kerap dihadapi oleh guru-guru di sekolah rendah. Selain itu, faktor masa yang tidak mencukupi, jurang pencapaian murid yang besar dan kekangan bahan serta alat bantu mengajar juga merupakan cabaran yang sering dihadapi oleh guru. Guru juga mengalami kesukaran untuk mengawal kelas ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Selain itu, faktor kehadiran murid yang kurang memuaskan,



kekurangan kreativiti dan idea serta sukatan pelajaran yang tinggi juga menjadi penghalang terhadap keberkesanan dan pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ini.

## 5. Perbincangan Kajian

### 5.1. Strategi dan Teknik yang digunakan Dalam Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan pendekatan yang berpusatkan murid dan memenuhi keperluan murid dari segi kesediaan, minat dan gaya pembelajaran. Dalam pendekatan ini, guru boleh mempelbagaikan aspek-aspek yang penting iaitu aspek kandungan pelajaran, proses pengajaran dan pembelajaran dan produk atau hasil pembelajaran murid. Menurut [Tomlinson \(2001\)](#), guru boleh memilih elemen dan aspek yang hendak difokuskan mengikut kesesuaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek proses merupakan aspek yang paling kerap dipelbagaikan oleh guru diikuti dengan aspek kandungan dan produk. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah rendah menggunakan pelbagai aktiviti semasa Walaubagaimanapun, aspek kandungan dan produk masih digunakan bergantung kepada kesesuaian keadaan.

Melalui hasil kajian juga, didapati bahawa guru-guru di sekolah rendah memberi tumpuan yang paling tinggi terhadap tahap kesediaan murid diikuti dengan minat dan seterusnya gaya pembelajaran murid. Tahap kesediaan murid ini juga merujuk kepada pengetahuan sedia ada murid dan tahap penguasaan mereka. Menurut [Awofala dan Lawani \(2020\)](#), dengan berpandukan kepada tahap kesediaan murid, guru boleh menentukan keperluan akademik murid. Hal ini membolehkan guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih berkesan. Tahap kesediaan yang berbeza dalam kalangan murid juga akan mewujudkan pengalaman yang berbeza untuk murid tersebut ([Struyven, Gheysens & Griful-Freixenet, 2019](#)). Guru-guru memberikan tumpuan yang paling ketara terhadap aspek kesediaan murid disebabkan oleh corak sistem pendidikan di Malaysia yang memberi fokus kualiti melalui pencapaian dan penguasaan murid. Walaubagaimanapun, minat dan gaya pembelajaran murid sebenarnya memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan motivasi murid. Kenyataan ini disokong oleh [Richard dan Edward \(2020\)](#) yang mendapati bahawa pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru akan mempengaruhi motivasi intrinsik murid untuk belajar, justeru penting untuk guru mengambil kira minat murid ketika merancang pengajaran dan pembelajaran mereka.

Pelbagai teknik boleh digunakan dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahan digital, scaffolding, soal jawab, ujian pengesanan dan aktiviti berczkkumpulan juga sering digunakan. Selain itu, terdapat juga teknik-teknik lain yang digunakan seperti praktikal atau 'hands-on', didik hibur, peta minda, pembentangan dan inkuiri penemuan.

### 5.2. Cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat beberapa cabaran yang dapat dikenal pasti dan sering dihadapi oleh guru-guru di sekolah rendah. Berdasarkan dapatan kajian, bilangan murid yang terlalu ramai atau saiz kelas yang besar dalam sebuah bilik darjah merupakan cabaran yang paling kerap dinyatakan oleh peserta kajian. Salah seorang peserta kajian menyatakan bahawa "*...lebih mencabar apabila bilangan muridnya terlalu*

*ramai...*" (R002) dan *"...bilangan murid yang ramai... bilangan yang banyak macam membebaskan guru untuk mengawal aktiviti yang dijalankan..."* (R001). Jelasnya jumlah murid yang ramai dalam sesebuah kelas akan mengganggu proses pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza yang dijalankan. Hal ini seiringan dengan kajian yang telah dijalankan oleh [Muhamad Furkan et al. \(2022\)](#) mendapati antara cabaran yang dihadapi oleh guru di sekolah menengah ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza ialah faktor masa. Guru memerlukan masa untuk merancang dan menyediakan bahan yang diperlukan bagi setiap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Saiz kelas yang merujuk kepada jumlah murid dalam sebuah bilik darjah mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran secara umum. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kajian yang dijalankan oleh [Ndidi dan Effiong \(2020\)](#) mendapati bahawa saiz kelas yang merujuk kepada jumlah murid dan kebolehan fasiliti pengajaran mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di Nigeria. Kajian yang dijalankan oleh [Shen dan Konstantopoulos \(2019\)](#) di beberapa buah negara di Eropah pula mendapati pekali negative yang menunjukkan peningkatan pencapaian apabila penurunan saiz kelas. Selain itu, [Alivernini et al. \(2019\)](#) mendapati murid yang berada di dalam kelas yang lebih sedikit jumlah murid mempamerkan keadaan psikologi yang lebih baik. Jelas, jumlah murid dalam sebuah bilik darjah bukan sahaja akan mempengaruhi pencapaian murid malah pelaksanaan dan perancangan aktiviti pembelajaran yang dijalankan oleh guru begitu juga dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan faktor masa juga merupakan cabaran yang dihadapi oleh guru ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian [Mohd Ikhwan dan Azlina \(2019\)](#) yang menunjukkan guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Guru berhadapan dengan pelbagai tugas lain selain daripada pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga memerlukan masa untuk membuat persediaan dari segi aktiviti dan bahan pengajaran seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian *"...seperti yang saya cakapkan tadi dari segi masa, persiapan ..."* (R003) dan *"Masa juga memainkan peranan, sebab pendekatan terbeza ni memerlukan masa yang lebih panjang daripada biasa."* (R005). Dapatan ini disokong oleh [Heng dan Song \(2020\)](#) yang menyatakan cabaran masa ini juga merujuk kepada kekangan guru untuk penyediaan bahan disebabkan oleh kesibukan guru memenuhi keperluan tugas-tugas lain seperti pengkeranian dan pendokumentasian.

Pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza juga lebih mencabar apabila jurang pencapaian antara murid yang berada dalam kelas yang sama sangat besar. Salah seorang peserta kajian menyatakan *"Banyak cabarannya sebab dia macam ni, murid-murid ni kan, bila kita dah masuk semua sama (tak ada streaming), banyak level, jadi ada yang TP lemah, sederhana dan tinggi, advance..."* (R004). Senario ini berkemungkinan disebabkan oleh kesan pandemic Covid-19 dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Kesan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah, pendidikan di negara kita berhadapan dengan kadar keciciran murid dan jurang pencapaian kemahiran asas yang semakin besar. Hal ini bukan sahaja dapat dilihat di Malaysia malah di negara-negara luar seperti Sepanyol ([Gonzalez & Bonal, 2021](#)). Menurut [Gonzalez dan Bonal \(2021\)](#), antara penyebab pertambahan jurang ini ketika pandemik adalah disebabkan oleh faktor ketidaksamarataan peluang pendidikan sama ada secara formal, informal atau tidak formal. [Kementerian Pendidikan Malaysia \(2013\)](#) juga telah memansuhkan sistem pengasingan murid atau *streaming class* menyebabkan pelbagai aras, kemahiran dan gaya pembelajaran dalam satu bilik darjah. Kepelbagaian murid perlu menjadi pertimbangan guru ketika merancang pengajaran mereka kerana

elemen ini merupakan salah satu aspek yang paling mencabar dalam pengajaran (Suleyman, 2019). Kepelbagaian keterbezaan murid ini semestinya menjadi cabaran besar yang perlu dihadapi oleh guru (Ain, 2022).

Guru-guru juga mempunyai kekangan dari segi alat dan bahan bantu mengajar yang sesuai dan relevan dengan pendekatan pembelajaran terbeza. Dapatan kajian ini seiring dengan hasil kajian Mohd Ikhwan dan Azlina (2019) yang mendapati salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru ketika melaksanakan pembelajaran terbeza ialah kurang pembiayaan untuk bahan dan keperluan pengajaran. Penggunaan alat-alat seperti projector, smart TV dan chrome book merupakan peralatan yang sering menjadi pilihan guru untuk memudahkan pengajaran mereka dan menjadikannya lebih menarik terutamanya bagi murid sekolah rendah seperti yang dinyatakan oleh salah seorang peserta kajian “... saya kebiasannya akan menggunakan alat BBM, kita perlukan yang digital, kita perlukan LCD projektor dan sebagainya...” (R005). Peserta kajian juga ada menyebutkan tentang kurangnya kemahiran mereka untuk mengendalikan fasiliti yang ada “...fasiliti.. macam saya tak reti sangat nak set up benda-benda ni...” (R007). Fasiliti yang lengkap dan berfungsi dengan baik merupakan antara perkara yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Kajian tindakan oleh Suleyman (2019) mendapati bahawa guru-guru merasakan mereka tidak mempunyai fasiliti yang cukup dan sesuai dengan pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ini.

Dapatan kajian juga menunjukkan guru menghadapi masalah dari segi kawalan kelas ketika pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Hal ini jelas ditunjukkan dalam pernyataan salah seorang peserta kajian, “...mesti diorang macam perhatian cikgu, ‘cikgu, cikgu, dah siap’ alamak, kita terpaksa ‘awak duduk dulu kejap boleh tak’ kita terpaksa layan anak-anak yang tak bawak buku, tertinggal, terlupa, hilanglah, tak datang.. so diorang tertinggal, kita nak kena cater...” (R007). Kawalan kelas yang kurang memuaskan akan menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung kurang berkesan. Hal ini disokong oleh Mohd Ikhwan dan Azlina (2019) yang menyatakan bahawa 25% guru tidak dapat menggunakan pendekatan pembelajaran terbeza dengan berkesan semasa menjalankan aktiviti di dalam bilik darjah. Hal ini berkemungkinan disebabkan kesukaran untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza dalam satu subjek seterusnya menyebabkan masalah kawalan kelas timbul (Suleyman, 2019).

Guru juga didapati kekurangan idea dan menyatakan mereka tidak cukup kreatif untuk merancang dan melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Hal dapat dilihat dalam pernyataan salah seorang peserta kajian yang menyebut “...masalah mungkin.. idea untuk create aktiviti.” (R001). Pengetahuan asas guru dalam ilmu pedagogi dibentuk semasa guru menjalani latihan perguruan dan hebahan maklumat yang dilakukan oleh pihak pentadbir, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta kemudian disokong oleh usaha guru itu sendiri untuk mencari input tambahan dalam sumber-sumber yang lain. Namun, timbul persoalan tentang keberkesanan penyampaian latihan yang diberikan kepada guru-guru seperti dalam kajian Marni (2020) yang mendapati biasanya kursus yang dianjurkan oleh JPN dan PPD juga tidak merangkumi teknik yang lebih mendalam dan spesifik terutamanya fungsi direktori. Tanpa mempunyai pemahaman yang mendalam tentang mengapa dan bagaimana pendekatan pembelajaran terbeza berfungsi, guru mungkin menggambarkan cabaran yang banyak ketika mengimplimentasikan pendekatan pembelajaran terbeza (Dack, 2019). Keupayaan pihak pentadbir dan pengurusan guru membantu dalam penyediaan panduan dan bahan yang sesuai dengan pendekatan pembelajaran terbeza akan memudahkan guru-guru untuk melaksanakannya dengan berkesan seperti yang

dinyatakan oleh salah seorang peserta kajian *"...kalau ada satu kursus khas untuk kita, kita dapat mengikut satu standard untuk kita rujuk. Kalau tak ada, dapat ikut dia punya macam satu panduan."* (R001).

Melalui analisis transkrip temu bual juga didapati bahawa sukatan pelajaran yang terlalu tinggi merupakan cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Silibus yang tinggi dan banyak menyebabkan guru terlampau fokus untuk memenuhi semua sukatan yang telah ditetapkan. Aras silibus yang tinggi ini memberi kekangan kepada guru untuk mengimplimentasikan dan menyesuaikan pendekatan pembelajaran terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran (Heng & Song, 2020). Berhadapan dengan situasi masa kini, guru-guru masih lagi perlu berhadapan dengan isu kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira, 3M yang semakin tinggi jumlahnya pasca pandemik seperti yang dinyatakan oleh salah seorang peserta kajian *"...cuma mungkin sekarang ni sebab silibus terlampau tinggi kan, jadi cikgu pun nak kena kejar silibus, tapi sekarang ni pulak budak ramai masalah 3M"* (R006). Pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza menjadi semakin mencabar dengan kehadiran murid yang kurang memuaskan. Peserta kajian mengaitkan masalah kehadiran dengan murid yang mempunyai tahap pembelajaran yang rendah seperti *"...lagi satu cabaran saya ialah kehadiran murid itu sendiri. Murid yang mempunyai tahap pembelajaran yang rendah, mereka kerap tidak datang sekolah."* (R005) dan *"Tapi masalahnya murid ni tak hadir. Kalau diorang tak datang memang masalah lah sebab tak hadir"* (R004).

Jelas, kegagalan guru melaksanakan pengajaran pembelajaran terbeza di dalam bilik darjah akan menyebabkan murid mudah berasa bosan dengan pengajaran guru kerana tidak memenuhi keperluan pembelajaran mereka (Safiek, 2021). Hal ini akan boleh menyebabkan tingkah laku negatif yang lain seperti tumpuan yang kurang, tidak menghormati guru, dan menyalahi peraturan sekolah. Keadaan ini akan seterusnya membawa kepada masalah dan cabaran seperti keciciran. Cabaran-cabaran seperti saiz kelas, norma budaya sosial yang meliputi kawalan kelas, keputusan akademik dan pembelajaran berpusatkan guru menunjukkan bagaimana pandangan guru terhadap idea baharu dalam pendidikan seperti pendekatan pembelajaran terbeza dibentuk (Heng & Song, 2020). Namun begitu, Smets dan Struyven (2020) mencadangkan 3 kunci utama dalam mengimplimentasikan pendekatan pembelajaran terbeza yang mencabar iaitu guru perlu mahir dengan kemahiran dan pengetahuan pendekatan pembelajaran terbeza secara mendalam, guru perlu mempunyai kemahiran komunikasi supaya dapat memberi maklum balas kepada murid dan guru mesti mempunyai tanggapan yang positif terhadap pendekatan pembelajaran terbeza. Oleh itu, sebagai golongan pelaksana, guru perlu bersikap lebih proaktif dan positif ketika menghadapi cabaran-cabaran ketika melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

## 6. Kesimpulan

Pendekatan pembelajaran terbeza bukanlah satu pendekatan pembelajaran yang baharu mahupun asing bagi dunia pendidikan Malaysia. Pendekatan ini telah lama diperkenalkan dan merupakan salah satu pendekatan yang disarankan kepada guru-guru untuk memenuhi ekuiti semua murid di Malaysia. Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan satu pendekatan yang meraikan kepelbagaian dan perbezaan murid daripada pelbagai aspek. Pasca pandemik Covid-19 menyaksikan berlaku keciciran murid dan peningkatan jurang pencapaian murid, justeru pendekatan pembelajaran terbeza menjadi salah satu pendekatan yang disarankan kepada guru-guru untuk mengatasi masalah yang timbul ini. Walaubagaimanapun, pelaksanaan dan

keberkesanan pendekatan pembelajaran terbeza di Malaysia masih lagi dibahaskan terutamanya pasca pandemik ini.

Penerokaan strategi dan teknik yang digunakan dalam pendekatan pembelajaran terbeza dapat memberi satu sudut pandangan baharu tentang apa yang menjadi fokus guru-guru di Malaysia. Manipulasi aspek dan elemen yang disarankan dalam pendekatan pembelajaran terbeza (Sousa & Tomlinson, 2011) oleh guru-guru boleh menjadi panduan kepada bahagian pembangunan pendidikan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara selaras dengan aspirasi murid (KPM, 2013) yang mementingkan ekuiti pendidikan semua kanak-kanak dan mengurangkan jurang pendidikan di Malaysia. Dapatan kajian mendapati aspek proses merupakan aspek yang paling kerap melalui proses kepelbagaian dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza manakala elemen tahap kesediaan murid pula merupakan fokus utama guru dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza semasa pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan hasrat KPM untuk mengurangkan jurang pendidikan dan mengatasi masalah murid cicir. Walaubagaimanapun, aspek minat murid dan gaya pembelajaran murid merupakan kunci penting yang merangsang motivasi murid untuk belajar. Oleh itu, penting untuk guru menggunakan aspek dan elemen yang ada mengikut keperluan dan kesesuaian murid.

Dapatan kajian juga menunjukkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza antaranya ialah faktor masa yang kurang, bilangan murid yang terlalu ramai, kekurangan idea, bahan dan fasiliti serta sukatan pelajaran yang terlalu tinggi. Cabaran-cabaran yang dinyatakan oleh guru-guru ini menjadi satu garis panduan dan aspek penting yang perlu dikaji semula oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum merancang program penambahbaikan pendidikan di Malaysia. Pola cabaran yang timbul hasil kajian ini bukan sahaja dapat dilihat semasa pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza malah ianya seringkali disebut oleh guru secara umum tentang senario pendidikan di Malaysia. Oleh itu, penelitian semula terhadap cabaran-cabaran yang dinyatakan perlu dilakukan supaya pendekatan pembelajaran terbeza yang dilaksanakan dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, pendekatan pembelajaran terbeza mampu mendukung aspirasi dan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia namun, ianya perlu ditambahbaik dan pelbagai latihan serta penyebaran maklumat yang berkaitan perlu diberi kepada golongan pelaksana iaitu guru-guru di Malaysia. Suara guru-guru di Malaysia yang melibatkan cabaran, fasiliti dan kekangan yang mengganggu kelancaran serta mutu pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian. Kajian kualitatif ini menumpukan kepada strategi dan cabaran dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza. Pengkaji ingin mencadangkan kajian yang lebih mendalam tentang pengaruh minat murid dan gaya pembelajaran murid terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza memandangkan guru-guru kurang memberi fokus terhadap kedua-dua elemen ini.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah

dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penyelidik merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua peserta kajian yang terlibat dan telah menyumbang terhadap kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Ain, N. A. (2022, Mei). Masalah dihadapi oleh guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 50-62.
- Alivernini, F., Cavicchiolo, E., Manganelli, S., Chirico, A., & Lucidi, F. (2019). Students' psychological well-being and its multilevel relationship with immigrant background, gender, socioeconomic status, achievement, and class size. *School Effectiveness and Scholl Improvement*, 31(2), 1-20.
- Awofala, A. O., & Lawani, A. O. (2020). Increasing mathematics achievement of senior secondary school students through differentiated instruction. *Journal of Educational Sciences*, 4(1), 1-19.
- Dack, H. (2019). Understanding teacher candidate misconceptions and concerns about differentiated instruction. *The Teacher Educator*, 54(1), 22-45.
- Danial, A. A. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 29-42.
- Gaitas, S., & Martins, M. A. (2016). Teacher perceived difficulty in implementing differentiated instructional strategies in primary school. *International Journal of Inclusive Education*, 1 -13.
- Gardner, H. (2011). *Frames of Mind, The Theory of multiple Intelligence*. New York, USA: Basic Books.
- Ginja, T. G., & Chen, X. (2020). Teacher educators' perspectives and experiences towards differentiated instruction. *International Journal of Instruction*, 13(4), 781-798.
- Gonzalez, S., & Bonal, X. (2021). COVID-19 school closures and cumulative disadvantage : assessing the learning gap in formal, informal and non-formal education. *European Journal of Education*, 56, 607-622.
- Hatixhe, I., & Ilirjana, I.-M. (2018). Differentiated Instruction: Understanding and Applying Interactive Strategies to Meet the Needs of all the Students. *International Journal of Instruction*, 11(3), 207-218.

- Heng, T. T., & Song, L. (2020). A proposed framework for understanding educational change and transfer : insights from singapore teachers' perception of differentiated instruction. *Journal of Educational Change*, 21, 595-622.
- Kelly, P., Glenn, T. C., & Dana, A.-N. (2020). Differentiated literacy instruction: boondoggle or best practice? *Review of Educational Research*, 90(4), 459-408.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah*. Putrajaya: KPM.
- Marni, I. K. (2020). Perbezaan Tahap Pengetahuan, Penggunaan dan Penerimaan Guru Bahasa Melayu Berdasarkan Faktor Umur dan Pengalaman Mengajar Ketika Mengaplikasikan Persekitaran Pembelajaran Maya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 15-28.
- Mazen, M. K., & Malak, A. A. (2019). The Influence of Differentiated Instruction on Academic Achievement of Students in Mixed Ability Classrooms. *International Linguistic Research*, 2(2), 8-28.
- Melek, S., & Enisa, M. (2022). The Effects of Differentiated Instruction (DI) on Achievement, Motivation, and Autonomy among English Learners. *Iranian Journal of Language Teaching Research*, 10(1), 127-144.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research. A guide to Design and Implementation, 2nd Edition*. Sans Francisco, USA: Jossey-Bass.
- Mohd Ikhwan, H. I., & Azlina, A. A. (2019). TS25 school teachers' perception of differentiated learning in diverse ESL classroom. *Journal of Education and Social Sciences*, 12(1), 95-107.
- Moosa, V., & Shareefa, M. (2019). Implementation of differentiated instruction : conjoint effect of teachers' sense of efficacy, perception and knowledge. *Anatolian Journal of Education*, 4(1), 23-38.
- Muhamad Furkan, M. S., Rose, A. A., Rohaida, M. S., & Mohamad Hisyam, I. (2022). Malaysian chemistry teachers' challenges to practice differentiated instruction in classroom. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 10(2), 58-69.
- Ndidi, M. A., & Effiong, I. E. (2020). Influence of Classroom Environment on Senior Secondary School Students' Academic Achievement in Mathematics in Calabar Nigeria. *Academic Journals Educational Research and Reviews*, 15(8), 495-503.
- Nguvava, M. J., & Meremo, J. (2021). Implimentation of the Differentiated Instructional Approach among Public Secondary Schools in Mwanga District, Tanzania. *East African Journal of Education and Social Sciences*, 2(3), 172-181.
- Nuraishatun, M. A., Zamri, M., Siti, F. M., & Norsiha, H. S. (2019). Pelaksanaan modul pedagogi terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN) Ke-6*, (pp. 1450-1465).
- Parviz, A. (2013). The impact of diffrentiated task-based instruction via heeding learning styles on efl learners' feasible proficiency gains. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 16(1), 75-91.
- Porta, T., Todd, N., & Gaunt, L. (2022). 'I do not think I actually do it well': a discourse analysis of australian senior secondary teachers' self-efficacy and attitudes towards implimentation of differentiated instruction. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 22(3).
- Puzio, K., Colby, G. T., & Algeo-Nichols, D. (2020). Differentiated literacy instruction : boondoggle or best practice? *Review of educational Research*, 90(4), 459-498.
- Richard, M. R., & Edward, L. D. (2020). Intrinsic and extrinsic motivation from a self-determination theory perspective: definitions, theory, practices and future directions. *Contemporary Educational Psychology*, 61(20), 1-11.

- Safiek, M. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah :satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4(3), 9-18.
- Smets, W., & Struyven, K. (2020). A teachers' professional development programme to implement differentiated instruction in secondary education: how far do teachers reach? *Cogent Education*, 7(1), 1742273.
- Shen, T., & Konstantopoulos, S. (2019). Estimating causal effects of class size in secondary education : evidence from TIMSS. *Research Papers in Education*, 1-35.
- Smets, W., & Struyven, K. (2020). A teachers' professional development programme to implement differentiated instruction in secondary education: how far do teachers reach? *Cogent Education*, 7(1), 1742273.
- Sousa, D. A., & Tomlinson, C. A. (2011). *Differentiation and The Brain; How Neuroscience Supports the Learner-Friendly Classroom*. USA: Solution Tree Press.
- Struyven, K., Gheysens, E., Griful-Freixenet, J. (2019). Differentiated Instruction in Teaching and Teacher Education, the DI-Quest Model. In: Peters, M. (eds) *Encyclopedia of Teacher Education*. Springer, Singapore.
- Suleyman, C. (2019). Can Differentiated Instruction Create an Inclusive Classroom with Diverse Learners in an Elementary School Setting? *Journal of Education and Practice*, 10(6), 31-40.
- Tomlinson, C. A. (2001). *How To Differentiate Instruction In Mixed-Ability Classroom 2nd Edition*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C. A. (2017). *How to Differentiate Instruction in Academically Diverse Classrooms*. United State of America: ASCD.
- Tomlinson, C. A. (1999). *The Differentiated Classroom; Responding to the Needs of All Learners*. USA: Association for Supervision and Curriculum Development
- Zurina Mustafa, Zaharah Hussin dan Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalam pedagogi terbeza guru-guru pendidikan islam zon selatan malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(2), 1-11.